

# Kod Etika

PAKAIAN  
**STAF UPSI**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM, PERAK  
2018



## 1.0 Tujuan

*Kod Etika Pakaian Staf UPSI* diterbitkan adalah sebagai garis panduan dan rujukan kepada semua staf Universiti supaya wujud keseragaman dalam tatacara berpakaian semasa hadir bekerja atau menghadiri majlis-majlis rasmi.

Sebagai staf universiti, kita diingatkan supaya menjaga penampilan diri semasa bertugas dengan berpakaian selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

Cara berpakaian melambangkan keperibadian staf universiti serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada Staf UPSI. Perkara 5 Peraturan-peraturan Tata tertib Badan-badan Berkanun, Jadual Kedua Akta Badan-badan Berkanun (Tata tertib & Surcaj) (Akta 605):

<p>1. Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Kerajaan melalui arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.</p> <p>2. Seseorang staf yang dikehendaki menghadiri suatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi upacara tersebut dan jika pakaian untuk upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian dengan sepatutnya bagi upacara tersebut.</p> <p>3. Staf universiti termaktub dengan pekeliling-pekeliling dan panduan berikut berhubung cara pemakaian yang boleh dan tidak boleh dipakai:</p>	<p>3.1 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam)</p> <p>3.2 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi)</p> <p>3.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008. (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis)</p>	<p>3.4 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 tahun 2013. (Pemakaian <i>Two/Three – Pieces Pant Suit</i> Bagi Pegawai Awam Wanita)</p> <p>3.5 Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam</p> <p>Yang Berbahagia Naib Canselor UPSI turut menghasratkan pembentukan imej seragam warga UPSI keseluruhan, baik bagi staf mahupun pelajar sebagai salah satu usaha membina jenama universiti ini ke tahap yang lebih tinggi untuk menjadi universiti pendidikan terulung di rantau ini. Salah satu bentuk imej yang paling umum untuk warga universiti ini adalah pemakaian baju korporat.</p>
---	---	---



## 2.0 Pakaian Semasa Bekerja

### 2.1 Pakaian Staf Lelaki

Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan A dan B,

- "Lounge Suite" atau "Bush Jacket"
- Seluar panjang dengan baju kemeja berlengan panjang dan bertali leher dan jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipatkan.
- *Nehru suit* yang diperbuat daripada jenis kain dan warna yang sesuai, berbutang hadapan atau berbutang terselindung.

#### Nota:

- Kumpulan A - Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas).
- Kumpulan B - Pegawai Kerajaan Gred 27 hingga Gred 40.



**Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan C dan D,**

- seluar panjang beserta baju kemeja dengan warna yang sesuai; baju hendaklah dimasukkan ke dalam; jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipatkan.
- *Nehru suit* yang diperbuat daripada jenis kain dan warna yang sesuai, berbutang hadapan atau berbutang terselindung.

**Nota:**

- Kumpulan C - Pegawai Kerajaan Gred 17 hingga 26.
- Kumpulan D - Pegawai Kerajaan Gred 1 hingga Gred 16.



### Baju Melayu

- Pakaian baju Melayu lengkap dengan bersamping dan bersongkok warna gelap.
- Baju Melayu cekak musang berbutang tiga.
- Baju Melayu cekak musang berbutang lima.



### Baju Kemeja Batik

Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang dengan fesyen alternatif seperti berikut:-

- berkolar cekak Musang berbutang tiga,
- berkolar cekak Musang berbutang lima,
- berkolar Nehru butang terselindung,
- berkolar Mandarin berbutang tiga.

### Nota

Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis adalah digalakkan dan tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam.





## 2.2 Pakaian Staf Wanita

- Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja.
- Pegawai wanita boleh memakai pakaian sedia ada seperti:
  - » pakaian kebangsaan baju kurung atau kebaya (labuh dan longgar) atau pakaian-pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja atau semasa menghadiri upacara rasmi selaras dengan peraturan sekarang.



- Staf wanita dibenarkan memakai *two/three - pieces pant suit* bagi pegawai awam wanita semasa bekerja atau menghadiri upacara rasmi kecuali upacara tersebut telah menetapkan pakaian tertentu.
- Staf wanita juga dibenarkan memakai skirt labuh atau di bawah paras lutut.
- Gabungan *3-pieces suit* yang menggunakan warna, corak dan bahan yang sama serta pilihan warna digalakkan adalah warna gelap.



- Pemakaian bagi staf mengandung adalah seperti berikut:
  - » jubah / baju mengandung labuh yang longgar.
  - » blaus sama ada kosong atau bercorak yang melepas punggung dan dipadankan dengan skirt labuh.

### 3.0 Pakaian Sukan

Staf UPSI yang terlibat dengan tugas dalam bidang kesukanan dibenarkan berpakaian sukan terutama tugas di lapangan.

- Staf lelaki dan wanita hendaklah berpakaian sukan atau yang bersesuaian ketika menjalankan tugas rasmi bidang sukan seperti:
  - » Seluar panjang *track bottom*
  - » Baju T-Shirt berkollar
  - » Kasut sukan atau kasut yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan



## 4.0 Baju Korporat UPSI

UPSI memperkenalkan Baju Korporat mulai tahun 2017 bertujuan untuk membentuk imej seragam dalam kalangan warga UPSI. Baju Korporat digalakkan untuk dipakai pada hari Rabu setiap minggu. Warna asas Baju Korporat UPSI ialah Putih.

### Baju Korporat Lelaki

- Berlengan pendek dan berkolar.
- Sulaman logo UPSI di atas poket sebelah kiri baju.
- Sulaman nama atau PTJ pada sebelah kanan baju.
- Sulaman perkataan #cemerlangbersama di bahagian tengah belakang baju.
- *Piping* merah pada lengan dan bahagian hadapan.
- *Stiches* benang merah pada lengan, poket, kolar dan bahagian hadapan baju.
- Bahagian dalam kolar warna merah.
- Butang berwarna merah.

### Baju Korporat Wanita

- Berlengan panjang dan berkolar cekak musang
- Sulaman logo UPSI di atas sebelah kiri baju.
- Sulaman nama atau PTJ pada sebelah kanan baju.
- Sulaman perkataan #cemerlangbersama di bahagian tengah belakang baju.
- *Piping* merah pada lengan dan bahagian hadapan.
- *Stiches* benang merah pada lengan, poket, kolar dan bahagian hadapan baju.
- Bahagian dalam kolar warna merah.
- Butang berwarna merah.



## 5.0 Pakaian Seragam

### Pemandu / Pembantu Operasi / Pengawal Keselamatan / Penolong Jurutera / Juruteknik

- Pakaian ini hendaklah dipakai semasa menjalankan tugas rasmi harian.
- bagi tujuan mengenalpasti tugas dan tanggungjawab staf berkenaan.
- bagi tujuan keseragaman dan kekemasan rupa.



- 
- A & E • Pakaian Seragam Juruteknik
  - B & F • Pakaian Seragam Pembantu Operasi
  - C & D • Pakaian Seragam Pemandu



Pakaian Seragam  
Pengawal Keselamatan





**Staf terlibat dengan bidang tugas di Makmal, Bengkel dan Wad Rawatan Pesakit**

- bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri staf daripada percikan bahan-bahan kimia dan kekotoran semasa bertugas.



### **Penolong Pegawai Perubatan / Jururawat / Juruterapi Pergigian / Penolong Pegawai Farmasi / Setara**

- Diperuntukkan kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan, kolej kediaman dan penginapan pelajar untuk tujuan pemeriksaan.
- Dibekalkan bagi tujuan pengenalan diri semasa menjalankan tugas.

## Kasut Staf Lelaki

- Kasut kulit atau yang sejenis dengannya dan berwarna gelap berserta stoking.
- Capal boleh dipakai dengan pakaian baju Melayu yang lengkap dengan bersamping.

### Nota:

- Pemakaian Kad Staf diwajibkan.
- Tag Nama digalakkan dipakai oleh semuah staf kecuali bagi petugas kaunter diwajibkan memakai kedua-dua kad staf dan tag nama.



### **Kasut Staf Wanita**

- Kasut yang bertutup penuh dan berwarna gelap yang bersesuaian dengan imej korporat.
- Kasut kulit, cerpu atau yang sejenis dengannya yang mempunyai bentuk yang sesuai boleh dipakai dengan pakaian yang ditetapkan.
- Kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja kecuali staf yang terlibat dengan Pengajaran dan Pembelajaran Sukan dan Kejurulatihan.



## 6.0 Pakaian Menghadiri Majlis Rasmi

- Pegawai-pegawai awam yang menyertai rombongan ke luar negeri atas urusan rasmi ataupun dengan anjuran jabatan masing-masing hendaklah pada masa, tempat dan upacara yang sesuai, dan jika dibenarkan, memakai batik buatan Malaysia.
- Pegawai-pegawai awam adalah juga digalakkan memakai batik buatan Malaysia jika keadaan membenarkan apabila menyertai rombongan ke luar negeri dengan anjuran persatuan, pertubuhan atau koperasi masing-masing.
- Pegawai-pegawai awam yang menghadiri sesuatu upacara, perjumpaan atau mana-mana jemputan, jika ditetapkan memakai batik, hendaklah memakai batik buatan Malaysia.

- 'Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi' ertiannya Pakaian Kebangsaan atau *Dark Lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan / Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.
- Penguatauan ini adalah tertakluk atas budi bicara Ketua Jabatan dan arahan dari pihak yang menganjurkan majlis tersebut.
- Staf yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat adalah layak dibayar Bayaran Menghadiri Upacara Rasmi tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1997, Bayaran Pakaian Istiadat dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.



Kesesuaian pakaian bagi pelbagai majlis rasmi adalah seperti jadual berikut :-

Bil.	Majlis	Wanita	Lelaki
1.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bankuet Negara atau Negeri</li> <li>• Jamuan Makan Tengahari Rasmi &amp; Tidak Rasmi</li> <li>• Jamuan Teh Rasmi</li> <li>• Jamuan Makan Malam Rasmi oleh Ketua Negara atau Ketua Kerajaan</li> <li>• Jamuan Makan Malam Formal</li> <li>• Hari Ulang Tahun Kemerdekaan</li> <li>• Coktail dan Reception</li> <li>• Pengurniaan Darjah Kebesaran / Pakaian &amp; Istiadat Pertabalan</li> <li>• Pembukaan Persidangan Parlimen</li> <li>• Tilawah Al-Quran</li> <li>• Pengebumian</li> </ul>	Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang.	<i>Mess Kit / White Tie / Baju Kebangsaan Rasmi / Lounge Suit / Batik Lengan Pakaian Kerja</i>
2.	Kemangkatan	Wanita Islam dikehendaki berbaju kurung dan berkebaya labuh dan berselendang putih atau bertudung putih manakala Wanita Bukan Islam hendaklah berpakaian sempurna dan sopan serta bertudung hitam.	Bagi Orang Islam hendaklah berpakaian Baju Kebangsaan Hitam, Bersongkok hitam dililit kain putih selebar 3.8- 4.0 sentimeter manakala bagi Bukan Beragama Islam memakai kot gelap dan bertali leher hitam dengan lilitan hitam 8.5 - 8.9 sentimeter dipakai sebelah atas lengan kiri.



## 7.0 Pemakaian Yang Tidak Dibenarkan Semasa Bekerja

### Pakaian tidak dibenarkan bagi Staf Lelaki

- Memakai serban, kopiah atau topi.
- Fesyen *punk*, rambut mencacak atau *skinhead* dan yang sama dengannya serta tidak dibenarkan mewarnakan rambut melainkan atas sebab-sebab kesihatan.
- Misai melebihi bibir atas dan janggut mencecah butang atas baju.
- Bertatu, mewarnakan kuku, bertindik atau memakai subang di hidung, lidah atau yang sama jenis.
- Memakai cincin secara berlebih-lebihan atau memakai *bangle*.



Baju kemeja bukan batik Malaysia dan berlengan pendek serta T-shirt atau kemeja bercetak perkataan. Pemakaian seluar jeans dan kasut sukan adalah tidak dibenarkan.





- Memakai baju Melayu Teluk Belanga melainkan atas tuntutan sesuatu majlis tersebut seperti Perarakan Maulidur Rasul dan Jamuan Hari Raya Universiti / Jabatan.
- Pakaian baju Melayu dengan kain sarung tidak dibenarkan.
- Memakai baju Melayu bersama seluar kerja pada hari Jumaat tidak dibenarkan.
- T-shirt atau kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang berunsurkan politik, ganas, seram dan seumpamanya.
- Memakai apa-apa jenis bentuk pakaian atau perhiasan yang melambangkan wanita.



### Pakaian tidak dibenarkan bagi Staf Wanita

- Memakai pakaian yang menjolok mata seperti baju Kebaya ketat, Kurung Kedah, pakaian berlengan kembang, berleher luas, tidak berlengan serta *inner*.
- Pakaian batik Indonesia atau baju yang dipadankan dengan kain batik sarung pada hari Khamis menggantikan pakaian batik Malaysia tidak dibenarkan.
- Memakai pakaian yang menjolok mata semasa menjalankan tugas lebih masa.



- Memakai pakaian kasual / semi kasual seperti blaus pendek tidak melepas punggung, jeans, skirt atas paras lutut atau seluar yang singkat dan ketat atau yang sama jenis dengannya.
- Memakai purdah atau apa-apa pakaian yang menutup muka semasa di pejabat/kampus dan tugas rasmi.
- T-shirt atau kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang berunsurkan politik, ganas, seram dan seumpamanya.
- Jubah tidak dibenarkan kepada staf wanita kecuali bagi staf dari Negara Timur Tengah .
- Mewarnakan kuku (melainkan inai), rambut dan anggota lain melainkan atas sebab-sebab tertentu.



Memakai purdah atau apa-apa pakaian yang menutup muka semasa di pejabat/ kampus dan tugas rasmi.



Selipar, kasut getah dan kasut sukan  
tidak boleh dipakai semasa bekerja



Mewarnakan kuku (melainkan inai),  
rambut dan anggota lain melainkan  
atas sebab-sebab tertentu.

Memakai barang kemas atau hiasan  
berlebihan di tangan.



## 8.0 Penutup

Semoga penerbitan Buku Kod Etika Pakaian Staf UPSI ini dapat dijadikan panduan yang lengkap kepada semua warga Universiti. Pematuhan terhadap peraturan berpakaian semasa bekerja dan menghadiri Majlis Rasmi perlu diberi perhatian oleh warga UPSI dalam usaha membentuk penampilan diri dan organisasi yang cemerlang dan terbilang.

## 9.0 Rujukan

- Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam).
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi).
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008. (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis).
- Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 tahun 2013. (Pemakaian *Two/Three – Pieces Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita).
- Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam.
- Pekeliling Pentadbiran Bil.1 Tahun 1998 UPSI.
- The Red Book: Garis Panduan Tatacara dan Etika Pemakaian Korporat Warga MAMPU 2009.
- Mokhtar Mohd Toha (2008) *Protokol dan Etiket Dalam Pengurusan dan Menghadiri Majlis (Edisi Baru)*, Institut Tadbiran Awam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam



## Penghargaan

- Bahagian Sumber Manusia.
- Bahagian Komunikasi Korporat.
- Staf yang terlibat dalam sesi fotografi untuk penerbitan buku *Kod Etika Pakaian Staf UPSI*.
- Semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku *Kod Etika Pakaian Staf UPSI* ini.